



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/8/2014

# Umat Islam tidak vokal, terpengaruh dengan emosi - Dr. Mahathir

(UM-19/8/2014)

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Umat Islam meskipun merupakan kumpulan penganut agama kedua terbesar di dunia merupakan golongan yang tidak vokal serta tidak belajar daripada latar belakang sejarah mereka sendiri.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkara itu berlaku kerana pemikiran penganut agama tersebut sering bercampur dengan pelbagai anekdot beremosi.

Sehubungan itu, kata beliau, umat Islam perlu memberi fokus kepada realiti dan tidak terpengaruh dengan emosi.

"Terdapat kecenderungan oleh kita meletak emosi lebih daripada fakta. Sebab itu kita tidak diambil serius. Kita tidak jadi berfakta dan saintifik.

"Ini kelemahan kita yang perlu ditangani. Jadi, melalui kajian aka-



**MAHATHIR MOHAMAD**

Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

IEJLS ditubuhkan bagi memperingkatkan kefahaman terhadap geopolitik, hubungan antarabangsa dan sejarah Baitulmaqdis serta memupuk keharmonian global.

Yang turut hadir, isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

demik, kita dapat mencari kebenaran. Hanya dengan kebenaran kita dapat mempelajari sesuatu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Institut Kecemerlangan untuk Pengajian Jerusalem (IEJLS) Universiti Utara Malaysia (UUM) di Pusat Dagangan

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menjelaskan, sejarah membuktikan bahawa masyarakat Yahudi selama ini ditindas dan dihukum oleh pihak Kristian.

"Masyarakat Yahudi dihukum oleh penganut Kristian dan bukan umat Islam. Mereka dilakukan pembunuhan dan kekejaman. Mereka ditekan dan menjadi pelarian serta dibenarkan menetap di negara Islam, namun tidak ditindas," katanya.

Menurut beliau, sewaktu pemerintahan Turki Uthmaniyyah, kaum Yahudi dibenarkan hidup bebas dan mengamalkan agama masing-masing.

"Tapi hari ini, kita lihat Yahudi bertindak kejam dengan membunuh umat Islam iaitu pihak yang mesra dan yang beri tempat untuk mereka melepaskan diri dari Kristian sebelum ini.

"Kalau mereka diseksa oleh orang Kristian sebelum ini kenapa bunuh orang Arab sekarang? Sehubungan itu, kita lihat banyak perkara boleh dipelajari," katanya.